

1223/1  
Pendidikan Islam  
Peperiksaan Percubaan  
Ogos  
2007  
SPM  
2 jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA

Dengan kerjasama

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI MELAKA

---

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
PENDIDIKAN ISLAM  
Kertas 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2007

2 jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Bahagian A mengandungi **40 soalan objektif** dan Bahagian B mengandungi **4 soalan subjektif**.
3. Jawab **semua** soalan Bahagian A.
4. Jawab **tiga** soalan Bahagian B. Soalan 1 dan 2 **wajib** dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Semua **tiga** soalan wajib dijawab.
5. Bahagian A mengandungi soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A,B,C, dan D serta soalan mengisi tempat kosong. Tandakan semua jawapan pada ruangan yang telah disediakan di dalam kertas soalan ini.
6. Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Tulis jawapan di dalam kertas jawapan.
7. Jawapan bagi Kertas A dan Kertas B hendaklah diikat bersama-sama.

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

(Lihat sebelah  
SULIT

**Bahagian A**

[40 markah]

Jawab **semua** soalan**Soalan 1 hingga Soalan 20**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.*

1. Apakah hukum menziarahi jenazah?
  - A wajib
  - B harus
  - C fardu kifayah
  - D sunat muakkad
  
2. Hikmah **utama** disyariatkan penyembelihan dalam Islam ialah
  - A mengelak penyakit berjangkit
  - B memudahkan manusia untuk memakannya
  - C sebagai tanda penghormatan kepada binatang
  - D memastikan daging binatang bersih, halal dan bermutu
  
3. Pilih pernyataan yang benar terhadap iman orang mukmin
  - A Iman mereka tidak berubah
  - B Iman mereka sentiasa bertambah
  - C Iman mereka boleh bertambah dan berkurang
  - D Iman mereka semakin kuat dari semasa ke semasa
  
4. Berikut adalah syarat sah bagi bakal isteri
  - I baligh
  - II beragama Islam
  - III seorang perempuan
  - IV keturunan yang ramai anak
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Tokoh X

- Memperbaiki sistem cukai
- Menjadi khalifah selama 22 tahun
- Menjadikan Baghdad sebagai ibu kota
- Merupakan saudara kandung al-Saffah

5. Tokoh X ialah
- A Al-Makmun
  - B Al-Muktasim
  - C Harun al-Rashid
  - D Abu Jaafar al-Mansur

Suami menuduh isterinya berzina dengan empat kali sumpah dan sumpah kelima sanggup dilaknati oleh Allah jika ia berbohong.

6. Pernyataan di atas berkaitan dengan
- A li'an
  - B zihar
  - C fasakh
  - D khuluk
7. Pernyataan di bawah merupakan tanda-tanda orang yang mendapat kemanisan iman **kecuali**
- A mengasihi sesama manusia kerana Allah S.W.T
  - B mencintai Allah dan Rasul melebihi daripada yang lain
  - C mengakui dirinya lebih hampir dan dikasihi oleh Allah S.W.T
  - D membenci kepada kekufuran seperti mana benci dicampakkan kedalam neraka
8. Tempoh iddah bagi isteri yang masih datang haid dan kematian suami ialah
- A tiga bulan
  - B tiada iddah
  - C tiga kali suci
  - D empat bulan 10 hari

**Bahagian A**

[40 markah]

Jawab **semua** soalan**Soalan 1 hingga Soalan 20**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.*

1. Apakah hukum menziarahi jenazah?  
A wajib  
B harus  
C fardu kifayah  
D sunat muakkad
2. Hikmah **utama** disyariatkan penyembelihan dalam Islam ialah  
A mengelak penyakit berjangkit  
B memudahkan manusia untuk memakannya  
C sebagai tanda penghormatan kepada binatang  
D memastikan daging binatang bersih, halal dan bermutu
3. Pilih pernyataan yang benar terhadap iman orang mukmin  
A Iman mereka tidak berubah  
B Iman mereka sentiasa bertambah  
C Iman mereka boleh bertambah dan berkurang  
D Iman mereka semakin kuat dari semasa ke semasa
4. Berikut adalah syarat sah bagi bakal isteri  
I baligh  
II beragama Islam  
III seorang perempuan  
IV keturunan yang ramai anak  
A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

Tokoh X

- Memperbaiki sistem cukai
- Menjadi khalifah selama 22 tahun
- Menjadikan Baghdad sebagai ibu kota
- Merupakan saudara kandung al-Saffah

5. Tokoh X ialah
- A Al-Makmun
  - B Al-Muktasim
  - C Harun al-Rashid
  - D Abu Jaafar al-Mansur

Suami menuduh isterinya berzina dengan empat kali sumpah dan sumpah kelima sanggup dilaknati oleh Allah jika ia berbohong.

6. Pernyataan di atas berkaitan dengan
- A li'an
  - B zihar
  - C fasakh
  - D khuluk
7. Pernyataan di bawah merupakan tanda-tanda orang yang mendapat kemanisan iman **kecuali**
- A mengasihi sesama manusia kerana Allah S.W.T
  - B mencintai Allah dan Rasul melebihi daripada yang lain
  - C mengakui dirinya lebih hampir dan dikasihi oleh Allah S.W.T
  - D membenci kepada kekufuran seperti mana benci dicampakkan kedalam neraka
8. Tempoh iddah bagi isteri yang masih datang haid dan kematian suami ialah
- A tiga bulan
  - B tiada iddah
  - C tiga kali suci
  - D empat bulan 10 hari

9. 'Encik Hashim mengerjakan haji tanpa melontar Jamratul Aqabah. Jenis dam yang sesuai bagi kesalahan di atas ialah
- A Tertib dan Takdir
  - B Tertib dan Takdil
  - C Takhyir dan Takdir
  - D Takhyir dan Takdil
10. Manakah antara berikut **bukan** berkaitan dengan fasakh
- A gugur tanpa sebab
  - B tiada bayaran tebusan
  - C kadhi berkuasa membatalkan perkahwinan
  - D suami tidak boleh merujuk isteri dalam tempoh iddah
11. Kumpulan yang kuat menyokong Saidina Ali dikenali sebagai
- A Syiah
  - B Qadiani
  - C Khawarij
  - D Ahli Sunnah Waljamaah

- Penggadai meninggal dunia
- Penggadai telah membayar semua hutangnya
- Barang yang digadai telah disedekahkan kepada orang lain

12. Pernyataan di atas menerangkan tentang
- A rukun gadaian
  - B syarat sah gadaian
  - C larangan dalam gadaian
  - D perkara yang membatalkan gadaian
13. Pilih pernyataan yang benar tentang ciri-ciri orang munafiq
- I berdusta apabila bercakap
  - II selalu mengumpat orang lain
  - III malas menunaikan sembahyang
  - IV melampaui batas apabila bergurau
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- Tidak menghukum melainkan ada bukti yang sah
- Berpegang teguh kepada prinsip al-Salaf al-Soleh
- Tidak mencela orang yang tidak sehaluan dengan mereka

14. Pernyataan di atas adalah ciri-ciri pegangan
- A Ahli Sunnah Waljamaah
  - B Syiah Imamiyah
  - C Syiah Zaidiyah
  - D Khawarij
15. Berikut adalah jenis-jenis sedekah **kecuali**
- A khidmat
  - B menjawab salam
  - C Amar makruf nahi mungkar
  - D membuang benda yang menghalang jalan

“Ilmu tanpa amal adalah sesat. Beramal tanpa ilmu adalah sia-sia”

16. Pernyataan di atas merujuk kepada kata-kata
- A Imam Malik
  - B Imam Ghazali
  - C Imam Bukhari
  - D Imam Hambali
17. Kafir adalah gelaran kepada
- A orang yang menyembah tuhan selain daripada Allah S.W.T
  - B orang yang tidak percaya kepada Allah S.W.T dan Rasul
  - C orang yang berpura-pura beriman kepada Allah S.W.T
  - D orang yang keluar dari Islam
18. Berikut adalah polisi pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Siddiq **kecuali**
- A membukukan al-Quran
  - B memerangi golongan murtad
  - C melantik khalifah selepasnya
  - D memerangi golongan yang enggan membayar zakat

19. Manakah antara berikut **bukan** tujuan berhias diri?
- A Menepati fitrah manusia
  - B Mensyukuri nikmat Allah
  - C Menzahirkan nikmat Allah
  - D Menunjuk-nunjuk kecantikan diri
20. Berikut merupakan sektor utama ekonomi kerajaan Abbasiyah **kecuali**
- A Pertanian
  - B Perdagangan
  - C Perindustrian
  - D Perlombongan




**Soalan 21 hingga Soalan 40**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

21. Tawaf \_\_\_\_\_ adalah tawaf selamat tinggal pada Kota Suci Mekah.
22. Waktu sembelihan korban bermula dari terbit matahari 10 Zulhijjah hingga sebelum terbenam matahari \_\_\_\_\_.

*Soalan 23 dan Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.*

*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*



25. Karya terulung Imam al-Ghazali ialah \_\_\_\_\_.
26. Bermusafir tanpa tujuan hukumnya \_\_\_\_\_.

*Soalan 27 dan Soalan 28 berdasarkan jadual di bawah.*


*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

Zihar	Suami menyamakan belakang isterinya dengan perempuan yang haram dinikahnya
27. _____	Isteri yang derhaka kepada suaminya
28. _____	Talak yang disandarkan kepada sesuatu syarat

29. Pada zaman pemerintahan khalifah \_\_\_\_\_ keadaan ekonomi dan sosial negara sangat kukuh sehingga tiada orang yang mahu menerima zakat.
30. Peniaga yang memiliki sifat \_\_\_\_\_ ialah peniaga yang berurusan sebaik mungkin dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

*Soalan 31 dan soalan 32 berdasarkan rajah di bawah*


*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*



33. Hukum membinkan atau membintikan anak angkat kepada bapa angkatnya \_\_\_\_\_ .
34. Orang yang menyengutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan dikenali sebagai \_\_\_\_\_ .

*Soalan 35 dan Soalan 36 berdasarkan rajah di bawah.*


*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*



37. Ketika menziarahi jenazah, kita disunatkan membaca al-Quran dan \_\_\_\_\_.
38. Syed Jamaluddin al-Afghani memperkenalkan idea \_\_\_\_\_ iaitu perubahan terancang ke arah yang lebih baik.

*Soalan 39 dan Soalan 40 berdasarkan rajah di bawah.*

*Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*



**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud taubat? [2 markah]  
(ii) Nyatakan **dua** syarat taubat nasuha. [2 markah]  
(iii) Mengapakah syarat-syarat taubat nasuha itu perlu. [4 markah]
- (b) (i) Siapakah golongan Khawarij? [2 markah]  
(ii) Nyatakan **dua** pegangan golongan Khawarij yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** contoh pegangan ajaran Bahai yang menyesatkan. [4 markah]  
(iii) Senaraikan **dua** langkah yang perlu anda ambil untuk memelihara akidah. [2 markah]
2. (a) Saham ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat untuk dijadikan sebagai alat pemilikan.  
(i) Jelaskan **dua** syarat saham yang diharuskan menurut Islam. [4 markah]  
(ii) Nyatakan **dua** hikmah diharuskan saham. [2 markah]
- (b) (i) Apakah maksud rujuk? [2 markah]  
(ii) Bilakah rujuk menjadi haram? [2 markah]  
(iii) Jelaskan **dua** kesan rujuk terhadap rumahtangga. [4 markah]
- (c) Hadhanah ialah hak penjagaan anak yang masih kecil, belum mumaiyyiz dan tidak mampu menguruskan diri sendiri.  
(i) Nyatakan **dua** syarat hadhanah. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** sebab gugur hak hadhanah. [4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan maksud istilah-istilah berikut:  
a. Al-Jizyah [2 markah]  
b. Al-Ghanimah [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor yang membawa kepada kegemilangan tamadun Islam kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **dua** sifat peribadi Sheikh Muhammad Abduh yang boleh anda contohi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Sheikh Muhammad Abduh dalam bidang pendidikan. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab berzikir. [2 markah]
- (ii) Sebutkan **dua** kelebihan orang yang berzikir. [2 markah]
- (iii) Bagaimanakah anda dapat memupuk semangat berzikir dalam diri? [2 markah]
- 4 (a) Kegawatan ekonomi merupakan antara faktor yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Abbasiyah.
- (i) Terangkan **dua** faktor lain yang mendorong kepada kejatuhan kerajaan tersebut. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** iktibar yang boleh diambil oleh pemimpin hari ini daripada sejarah kejatuhan Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal adalah tokoh hadis yang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** cara beliau menetapkan hukum. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab beliau digelar '*al-Hakim*'. [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** bidang ilmu yang dikuasai oleh beliau. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud sedekah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kelebihan orang yang suka bersedekah. [2 markah]
- (iii) Jika anda ingin bersedekah, apakah adab yang perlu anda amalkan? [2 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- |     |   |   |   |   |     |       |
|-----|---|---|---|---|-----|-------|
| 1.  | A | B | C | D | 21. | _____ |
| 2.  | A | B | C | D | 22. | _____ |
| 3.  | A | B | C | D | 23. | _____ |
| 4.  | A | B | C | D | 24. | _____ |
| 5.  | A | B | C | D | 25. | _____ |
| 6.  | A | B | C | D | 26. | _____ |
| 7.  | A | B | C | D | 27. | _____ |
| 8.  | A | B | C | D | 28. | _____ |
| 9.  | A | B | C | D | 29. | _____ |
| 10. | A | B | C | D | 30. | _____ |
| 11. | A | B | C | D | 31. | _____ |
| 12. | A | B | C | D | 32. | _____ |
| 13. | A | B | C | D | 33. | _____ |
| 14. | A | B | C | D | 34. | _____ |
| 15. | A | B | C | D | 35. | _____ |
| 16. | A | B | C | D | 36. | _____ |
| 17. | A | B | C | D | 37. | _____ |
| 18. | A | B | C | D | 38. | _____ |
| 19. | A | B | C | D | 39. | _____ |
| 20. | A | B | C | D | 40. | _____ |

<b>Bahagian A</b>